

SWCorp kompaun pengotor jalan

MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

ALORSETAR – SWCorp Kedah akan menggunakan sistem data MySikap yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPI) untuk mengesan pengguna jalan raya yang membuang sampah sesuka hati keluar daripada kenderaan.

Pengarahnya, Hazahar Hashim berkata, melalui pendekatan itu pihaknya boleh mendapatkan maklumat pemandu dan kenderaan tersebut untuk dikeluarkan kompaun atas kesalahan membuang sampah di tempat awam dan tempat yang tidak dibenarkan.

"Pihak konsesi kami, E-Idaman telah membuat sapuan jalan pada awal pagi, tetapi beberapa jam kemudian hingga petang jalan-jalan akan bersepah lagi dengan sampah-sampah yang dipercayai dibuang oleh pengguna jalan raya, terutama ketika menunggu lampu isyarat merah di persimpangan.

"Kita sedang meningkatkan kesedaran masyarakat melalui beberapa kempen dan kita akan mengambil tindakan penguatkuasaan kepada mereka yang membuang sampah keluar daripada kenderaan dengan menggunakan sistem MySikap," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

INFO

● Ambil gambar pemandu buang sampah di jalan


media selepas hadir ke majlis rumah terbuka Aidilfitri SWCorp Kedah di WNS Homestay, di sini, semalam.

Menurutnya, pendekatan itu adalah lebih kepada mendidik masyarakat supaya menjaga kebersihan secara bersama dan tidak membuang sampah di kawasan yang tidak sepatutnya.

"Siapa saja yang membuang sampah keluar daripada kenderaan, kita akan ambil gambar dan dapatkan maklumat daripada JPI sebelum boleh diambil tindakan mahkamah.

"Program ini sebenarnya dah lama, cuma tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Sebagai contoh, DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) juga menggunakan sistem yang sama untuk mendapatkan maklumat mengenai pesalah trafik," katanya.

Jelasnya, SWCorp Kedah akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan itu secara menyeluruh untuk mengekalkan kebersihan dan keindahan yang ada di negeri ini.



Maklumat pemandu akan diperoleh melalui kerjasama JPI.

"Kita tengok Kedah dah bersih, tetapi atas sikap-sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab inilah menjadikan orang luar yang datang ke negeri ini mengatakan Kedah masih tidak bersih.

"Kita bukan bermaksud masyarakat Kedah sendiri yang membuat sampah itu, tetapi masyarakat setempat dan orang luar khususnya daripada negeri jiran juga perlu sama-sama mematuhi peraturan ini," katanya.

Pada perkembangan lain, beliau menjelaskan bahawa kesedaran masyarakat terhadap pengasingan

sisa pepejal di punca menunjukkan perkembangan positif.

"Kita juga telah meletakkan lebih 800 tong kitar semula di kawasan taman perumahan dan tempat ibadah di sekitar negeri ini. Masyarakat telah memahami dan membuat tindakan kitar semula.

"Cuma kesedaran masyarakat untuk membuang sampah ke dalam tong sampah masih berkurangan. Kesedaran mereka untuk buang sampah di tong sampah itu ada, tetapi bukan dalam tong sampah, hanya diletakkan di tepi-tepi tong sampah sahaja," katanya.

Tambahnya, kini SWCorp Kedah sedang dalam proses meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membuang sampah ke dalam tong sampah selain kesedaran masyarakat yang masih berkurangan terhadap pembuangan sampah di merata-rata tempat, terutama semasa memandu kenderaan.

"Dalam soal pengasingan sisa pepejal di punca, kita telah mengeluarkan sebanyak 200 notis pemberitahuan kepada masyarakat di negeri ini sejak 2016 hingga Jun lalu.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 20 notis kompaun telah dikeluarkan kepada mereka yang gagal melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca," katanya.

Ujarnya, kompaun bagi kesalahan gagal melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca adalah sebanyak RM50 bagi setiap kesalahan.

"Tujuan kita bukan untuk mengeluarkan banyak notis ataupun kompaun kepada masyarakat, tetapi kita lebih kepada untuk mendidik masyarakat sebab kita tahu tempat pelupusan sampah di Kedah pun bermasalah, banyak yang dalam keadaan kritikal. Jadi kita perlu mengurangkan sisa yang dijanam untuk ke tapak pelupusan," katanya.